

18 JAN 2001

Halim-KWSP

ABDUL HALIM MEMBISU TENTANG PELANTIKAN JAWATAN BARU

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali membisu berhubung spekulasi bahawa beliau akan mengambil alih jawatan pengerusi eksekutif Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP).

Beliau berkata "terdapat beberapa tanda-tanda" berhubung perkara itu tetapi beliau enggan mengulas lanjut.

"Saya tidak dapat memberitahu apa-apa kecuali meminta anda menunggu pengumuman (oleh kerajaan)," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan tama pada Persidangan 2001 mengenai Menerajui dan Menguruskan Perubahan Strategik anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) di sini, hari ini.

Semasa ditanya bila pengumuman itu akan dibuat, Abdul Halim berkata beliau tidak tahu kerana "ia terserah kepada kerajaan."

Abdul Halim dikatakan akan menyandang jawatan tertinggi di KWSP berikutan persaraan Tan Sri Sallehuddin Mohamed yang berkuatkuasa pada 31 Jan seperti yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan semalam.

Dilaporkan bahawa beliau memohon bersara kerana keluarga.

Perkembangan ini berlaku serentak dengan pengumuman berasingan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Tan Sri Samsudin Osman telah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara yang baru menggantikan Abdul Halim.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak menyatakan bila Samsudin akan menyandang tugas baru itu.

Apabila ditanya sama ada beliau akan menerima pelantikan di KWSP itu, Abdul Halim berkata: "Saya perlu mempertimbangkannya apabila saya dimaklumkan secara rasmi mengenainya."

Beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara pada 17 Sept, 1996. Kontraknya disambung buat pertama kali pada 1998 dan sekali lagi disambung pada tahun lepas.

Abdul Halim berkata kontrak keduanya bagi tempoh setahun akan berakhir pada 14 Julai ini.

Beliau juga memuji keputusan melantik Samsudin untuk menggantikannya dan menyifatkan penggantinya itu sebagai seorang yang mempunyai pengalaman luas dan keupayaan yang tinggi.

-- BERNAMA

MAM ZS NAK